


# AMALAN SUNNAH HARI JUMAAT



## \*AMALAN SUNNAH HARI JUMAAT\*

Alhamdulillah, kita sudah sampai di penghulu hari Jumaat. Di kesempatan ini, marilah kita bersama-sama menghidupkan amalan-amalan sunnah di hari Jumaat ini.

## **1. Memotong kuku**

"Fitrah itu ada lima, iaitu berkhatan, mencukur bulu kemaluan, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menipiskan misai"  
[Hadith Riwayat al-Bukhari, no. hadith 5439]

## **2. Mandi sunat Jumaat**

"Sesiapa yang hendak mendirikan solat Jumaat dia hendaklah mandi"  
[Hadith Riwayat Muslim (844)]

## **3. Membaca surah Al-Kahfi**

"Barangsiapa membaca surat Al-Kahfi pada hari Jum'at, maka akan dipancarkan cahaya untuknya di antara dua Jum'at."  
[Hadith Riwayat Al-Hakim: 2/368 dan Al-Baihaqi: 3/249]

## **4. Perbanyakkan sedekah**

"Keutamaan sedekah di hari Jumat dibanding semua hari dalam sepekan seperti keutamaan sedekah di bulan Ramadhan dibandingkan bulan-bulan lainnya."  
[Ibnul Qayyim]

## **5. Memakai pakaian yang elok**

## **6. Memakai wangi-wangian**

"Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat, lalu dia memakai yang terbaik daripada pakaian-pakaiannya dan memakai wangian (haruman) - sekiranya dia ada - setelah itu dia pergi ke tempat menunaikan fardhu Jumaat tanpa melangkahi kepala orang lain, lalu mengerjakan mana-mana sembahyang (sunat yang dikehendakinya), kemudian dia berdiam diri sebaik sahaja imam muncul (untuk menyampaikan khutbah) sehingga dia selesai daripada sembahyangnya, maka kesemua yang dilakukannya ini menjadi penghapus dosanya (yang berlaku) antara Jumaat tersebut dan Jumaat yang sebelumnya."  
[Hadith Riwayat Abu Dawud]

## **7. Perbanyakkan zikrullah dan doa**

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah ﷺ bersabda:

"Pada hari Jumaat ada satu ketika yang bertepatan dengan orang Islam ketika dia sedang solat, di mana apabila dia berdoa maka doanya itu akan dimakbulkan."

## **8. Berselawat**

"Perbanyakkanlah membaca selawat padaku pada malam dan hari Jumaat, maka siapa yang membaca selawat untukku satu kali, Allah akan berselawat kepadanya 10 kali (Allah akan memberinya rahmat 10 kali)."

[Hadith Riwayat Al Baihaqi]

#### 9. Hadir awal ke masjid

“Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seakan-akan berkurban dengan unta, sesiapa yang pergi pada masa yang kedua, maka seakan-akan dia berkurban dengan lembu, dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seakan-akan dia berkurban dengan biri-biri jantan yang bertanduk, dan sesiapa yang pergi pada masa yang keempat seakan-akan dia berkurban dengan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seakan-akan dia berkurban dengan sebiji telur dan apabila imam telah keluar (untuk berkhutbah) maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (khutbah)”

[Riwayat al-Bukhari (881) dan Muslim (850)]

---

---

---